



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KALENDAR ASTRONOMI 2022

PUTRAJAYA, 10 Februari 2022 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Planetarium Negara telah mengambil inisiatif menyediakan maklumat mengenai peristiwa-peristiwa penting Astronomi sepanjang tahun 2022 bagi makluman dan rujukan orang awam. Maklumat ini telah didokumenkan sebagai Kalendar Astronomi 2022, MOSTI.

Kalendar Astronomi 2022 boleh dijadikan bahan rujukan dan garis panduan kepada Keluarga Malaysia dan peminat-peminat Astronomi untuk mencerap, memerhati dan menyaksikan fenomena unik yang bakal berlaku sepanjang tahun 2022. Kalendar ini menunjukkan peristiwa mengikut waktu piawai dan tarikh berlakunya fenomena astronomi di langit Malaysia serta seluruh dunia melalui grafik ringkas dan mudah difahami.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Bin Baba berkata, “Kalendar Astronomi 2022 boleh dirujuk oleh setiap ahli Keluarga Malaysia. Ibu bapa boleh merujuk kepada himpunan fenomena alam semesta ini untuk mengatur dan merancang program keluarga bagi

membolehkan anak-anak dan ahli keluarga mengikuti serta menikmati fenomena cakerawala.

Bagi pihak sekolah dan guru-guru sains pula, perancangan program yang bersesuaian di peringkat bilik darjah atau di peringkat sekolah boleh dilaksanakan untuk memastikan murid-murid dapat melihat fenomena sebenar seperti yang dipelajari di dalam buku teks atau boleh mengaturkan sesi lawatan pelajar ke mana-mana pusat pendidikan tidak formal di dalam bidang astronomi yang berdekatan di Malaysia. Bukan sahaja di peringkat sekolah, malah pelajar IPT juga boleh memanfaatkan maklumat-maklumat di dalam kalendar ini untuk meningkatkan minat pelajar-pelajar di peringkat pengajian tinggi seterusnya mencipta bakat dalam bidang astronomi”.

Di peringkat komuniti, sesi pencerapan, forum, ceramah atau taklimat awam boleh dilaksanakan dengan menjemput tokoh-tokoh astronomi yang bersesuaian supaya penduduk Malaysia dapat memahami dengan terperinci setiap peristiwa yang dipaparkan. Kaedah ini akan mengeratkan hubungan komuniti saintifik profesional dalam bidang astronomi dan sains angkasa. Para ahli akademik boleh membantu penyelidik untuk membuat penyelidikan bersesuaian semasa berlakunya fenomena astronomi dan penemuan hasil penyelidikan dari lokasi masing-masing boleh dikongsikan kepada negara.

Data-data pada Kalendar Astronomi 2022 telah disemak dan disahkan dengan merujuk kepada sumber data yang sahih dan berwibawa antaranya dari Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan Amerika Syarikat (NASA). Perbezaan-perbezaan kecil data (masa berlakunya fenomena) dengan sumber-sumber lain adalah

berkemungkinan disebabkan oleh perbezaan kejituan perisian (*software*) yang digunakan.

Kalendar ini diharapkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi memajukan pengetahuan, pendidikan, minat, bakat, kesedaran dan seterusnya mencipta manfaat dari segi ekonomi di seluruh negara.

Inisiatif penerbitan Kalendar Astronomi 2022 ini adalah selaras dengan Teras Strategik ke-5 Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) iaitu “menggalak dan memupuk kesedaran STI” di kalangan masyarakat negara. MOSTI melalui Planetarium Negara juga akan menyediakan siaran langsung atau liputan khas fenomena melalui media sosial termasuk YouTube rasmi Planetarium Negara bagi setiap fenomena yang akan berlaku, sama ada kelihatan di langit Malaysia ataupun hanya kelihatan di luar negara.

Kalendar Astronomi 2022 boleh dimuat turun melalui laman web Planetarium Negara di www.planetariumnegara.gov.my .

MOSTI berharap usaha ini akan menyemarakkan lagi agenda untuk Merayakan Sains Dan Menginsankan Teknologi di kalangan Keluarga Malaysia.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

10 Februari 2022